


**BERTAWASSUL
BID'AH
DHALALAH?**



Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

1429H / 2008M

Tajuk:

BERTAWASSUL BID'AH DHALALAH?

Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

Cetakan Pertama
2008M / 1429H

Hakcipta terpelihara.

ISBN 978-983-3343-47-8

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin daripada pihak penerbit iaitu

Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah,
Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Disemak dan ditashih oleh:
Lujnah Penyemakan dan Pentashih Penerbitan Agama Johor
Majlis Agama Islam Negeri Johor

Penyunting
Mohd. Hafiz bin Mansor

Diterbitkan oleh:
Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah,
Majlis Agama Islam Negeri Johor.
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru.

Dicetak oleh:
Master Gifts Sdn. Bhd.
019-7777662

INTISARI

Kandungan	Hal
BAB - 1	
✓ Tawassul – Definisi	5
✓ Bertawassul dengan para nabi dan para wali	7
✓ Dalil tawassul daripada Al-Quran	-
✓ Dalil harus bertawassul mengikut sunnah	12
✓ Contoh bertawassul dengan Rasulullah	16
✓ Contoh bertawassul dengan para anbiya'	20
✓ Contoh bertawassul dengan orang-orang yang mulia	-
✓ Contoh bertawassul dengan amal saleh	21
✓ Perbezaan antara ibadat dengan tawassul	24
✓ Tanggapan golongan Wahhabi mengenai tawassul	26
✓ Menolak tanggapan Wahhabi	29
✓ Menafikan tawassul atau wasilah	32
✓ Tanggungjawab kita	35
✓ Kesimpulan	37
BAB – 2	
✓ Istighathah – Mukadimah	39
✓ Dalil daripada sunnah	42
✓ Nabi s.a.w menyeru roh orang yang telah meninggal dunia	-
✓ Memberi salam kepada ahli kubur	43
✓ Mengucap salam dan selawat kepada Nabi s.a.w. dalam solat lima waktu,	44
✓ Memberi salam kepada Nabi s.a.w	45
✓ Mohonkan keampunan kepada Allah, si mati mendengar hentakan tapak kaki	-
✓ Si mati mendengar hentakan tapak kaki	46
✓ Istighathah kepada nabi-nabi supaya memintakan kepada Allah disegerakan hisab- Istighathah di kubur Nabi	47
✓ Istighathah di kubur Nabi	-
✓ Kesimpulan	49
✓ Rujukan	50
✓ Nota	52

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
أُحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

TAWASSUL

Definisi

At-Tawassul (التَّوَسُّلُ) berasal dari kata dasar Wasala (وَسَّلَ),
Wasilah (وَسِيلَةٌ). Mengikuti bahasa maknanya martabat atau
kedudukan di sisi raja. Ia juga bermakna darjat, pangkat dan juga
kedekatan. Jika seseorang bertawassul kepada Allah dengan
suatu wasilah, maka artinya dia melakukan suatu amalan yang
mendekatkan diri kepadaNya. Dia bertawassul kepadanya dengan
ini, maknanya, dia mendekatkan diri kepadanya dengan
kehormatan ikatan yang menghubungkan diri dengannya. Wasilah
juga berarti kesampaian dan kedudukan yang dekat. Bentuk jama'
(banyaknya) adalah wasa'il (وَسَائِلٌ).¹

Imam Syed Izuddin Madhi Abi al-'Aza'im pula menjelaskan
bahawa Tawassul dari segi bahasa artinya setiap perkara yang
dengannya dapat mendekatkan kepada yang lain. Bertawassul

kepada Allah maknanya mengerjakan sesuatu amalan yang dapat mendekatkan diri kepadaNya.

Bertawassul kepada Allah dalam bentuk ini katanya, tidak dinamakan beribadat, ia hanya dinamakan wasilah (perantara) sahaja. Contohnya, kita lihat sejak sekian lama orang memberikan penghormatan kepada para pemimpin dan raja-raja, tidak pernah ada orang yang menamakannya sebagai qurbah dan juga tidak dinamakan sebagai ibadat, ini hanyalah sebagai cara orang beradab. Apa yang dilakukan oleh orang itu hanyalah sebagai memberi penghormatan, bukanlah sampai ke peringkat ibadat dan penyembahan.²

Seseorang yang mahu mengadap raja, maka ia perlu melalui setiausaha sulit atau Dato' Perdana Dalam (di Johor) bagi menyembah maklum tentang hasrat tujuannya. Maka setiausaha itulah yang menyembah maklumkan mengenai tujuan kita. Di sini setiausaha sulit hanyalah sebagai pengantara di antara kita dengan raja, bukan sebagai orang yang diminta sesuatu hajat atau tujuan kita itu.

Makna wasilah mengikut syarak pula tidak jauh bezanya dengan makna dari segi bahasa, kerana matlamat utama kehidupan seorang muslim itu adalah bagaimana cara mendekatkan diri kepada Allah, mencapai keredhaan, dan memperoleh pahala dariNya. Sebagai satu rahmat daripada Allah S.W.T kepada kita yang menetapkan bahawa ibadah-ibadah kepadaNya itu sebagai pintu mendekatkan diri kepadaNya. Maka orang Islam sentiasa mendekatkan diri kepada Allah melalui berbagai cara dan bermacam ibadat yang telah disyariatkanNya.

Dalam konteks pengertian Tawassul yang umum, kita lihat ketika seorang muslim melaksanakan solat umpamanya, maka sesungguhnya ia sedang mendekatkan diri kepada Allah dengan solat, yakni bertawassul kepada Allah dengan solatnya. Oleh kerana itu, kandungan Al-Quran seluruhnya memerintahkan kita berwasiilah (mendekatkan diri) kepada Allah S.W.T.

BERTAWASSUL DENGAN PARA NABI DAN PARA WALI

Bertawassul dengan para nabi dan para wali adalah harus dan dikira amalan yang baik. Ini merupakan antara perkara yang lumrah di kalangan orang yang mengamalkan agama yang diambil daripada perbuatan para nabi dan para rasul, juga perjalanan hidup para ulama' dan golongan orang-orang yang soleh. Tidak ada seorang pun yang menolak amalan bertawassul sehinggalah datang Ibnu Taimiyyah yang mempersoalkan perkara tersebut sehingga mengelirukan orang ramai. Beliau menolak suatu yang telah menjadi pegangan kukuh ulama' silam. Ingatlah bahawa penolakan Ibn Taimiyyah mengenai amalan Tawassul dan Istighathah tidak pernah diperkatakan oleh para ulama' sebelumnya.³

DALIL TAWASSUL DARIPADA AL-QURAN

1. Firman Allah dalam surah Al-Maidah ayat 35:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا
فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman, Bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepadaNya (dengan mematuhi perintahNya dan meninggalkan laranganNya)....

Dalam ayat ini ada tiga hukum yang boleh dikeluarkan iaitu:

1. Kita wajib patuh (taat) kepada Allah.
2. Kita disuruh mencari jalan yang mendekatkan diri kita kepada Allah.
3. Kita disuruh berjuang (perang) di jalan Allah.

Sekiranya yang tiga ini kita kerjakan, maka kita ada jaminan untuk mendapat kemenangan di dunia dan akhirat.⁴

2. FirmanNya lagi dalam surah Al-Isra' ayat 57:

أُولَئِكَ الَّذِينَ يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَىٰ رَبِّهِمُ الْوَسِيلَةَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ وَيَرْجُونَ رَحْمَتَهُ وَيَخَافُونَ عَذَابَهُ ...

Ertinya: Orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampirkan diri kepada Tuhannya (dengan berbuat ibadat), sekalipun orang yang lebih dekat kepada Tuhannya, serta mereka pula mengharapkan rahmatNya dan gerun takut akan azabNya.

Wasilah ialah sesuatu yang boleh mendekatkan kepada yang lain (perantara).

Wasilah juga: Setiap perkara yang dijadikan oleh Allah sebagai sebab menghampirkan diri kepadaNya, dan sebagai tali penghubung untuk menunaikan hajat-hajat daripadaNya, seterusnya hendaklah yang dijadikan wasilah itu mempunyai kedudukan dan kehormatan di sisi orang yang mengharapkan wasilah tersebut.

Lafaz al-Wasilah dalam kedua-dua ayat di atas adalah umum, ia mencakup bertawassul dengan para nabi dan orang-orang soleh yang mempunyai pelbagai kelebihan semasa hayat dan selepas meninggal dunia, dan mereka melakukan amal-amal soleh sebagaimana yang dituntut melakukannya.

3. Firman Allah dalam surah al-Qasas ayat 15:

فَاسْتَعِذْ بِالَّذِي مِنْ شِيعَتِهِ عَلَىٰ الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ

Ertinya: Maka orang yang dari golongannya meminta tolong kepadanya melawan orang yang dari pihak musuhnya.

Dalam ayat ini Allah S.W.T menisbahkan istighathah (minta pertolongan) kepada yang lain daripadaNya daripada kalangan makhluk. Mengikut Abi Al-Aza'im: cukuplah kenyataan ini menjadi dalil keharusan bertawassul.⁵

Sebenarnya bertawassul adalah diharuskan kepada orang yang masih hidup dan juga orang yang telah meninggal dunia. Kerana permohonan kita yang sebenar adalah dirafa'kan kepada Allah S.W.T, sekadarkan kita melalui orang yang masih hidup dan orang telah meninggal dunia sahaja. Ini bermakna bertawassul kepada orang yang telah meninggal dunia juga sama dengan bertawassul kepada orang yang masih hidup. Ini menolak dakwaan golongan Wahhabi yang mendakwa hanya boleh bertawassul dengan orang yang masih hidup dan tidak boleh bertawassul dengan orang yang telah meninggal dunia.

4. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 89:

وَكَانُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا
 عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٨٩﴾

Ertinya: sedang mereka sebelum itu sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas kaum kafir musyrik (dengan kedatangan seorang Nabi pembawa Kitab itu). Setelah datang kepada mereka apa yang mereka sedia mengetahui kebenarannya (Nabi Muhammad dan Al-Qur'an), mereka mengingkarinya; maka (dengan yang demikian), la'nat Allah menimpa orang-orang yang kafir ingkar itu.

Ahli Tafsir sepakat bahawa ayat ini diturunkan kepada orang Yahudi Khaibar. Ibn Abas mengatakan: Bahawa Yahudi Khaibar berperang dengan puak Yahudi Ghotfan, apabila berlaku peperangan puak Yahudi Ghatfan telah mengalami kekalahan, lalu orang-orang Yahudi Ghotfan meminta perlindungan dengan doa ini:

اللَّهُمَّ إِنَّا سَأَلْنَاكَ بِحَقِّ هَذَا النَّبِيِّ الَّذِي وَعَدْتَنَا أَنْ تُخْرِجَهُ لَنَا آخِرَ
 الزَّمَانِ إِلَّا نَصَرْتَنَا عَلَيْهِمْ . . .

Ertinya: Ya Allah, sesungguhnya kami berdoa kepadaMu dengan kebenaran Nabi yang Engkau telah janjikan untuk dikeluarkan kepada kami pada akhir zaman maka berilah kemenangan kepada kami.

Selepas itu apabila mereka bertempur mereka berdoa dengan doa tersebut lalu menanglah puak Yahudi Ghotfan (غطفان). Namun apabila diutuskan Nabi Muhammad s.a.w sebagai rasul, mereka pula mengingkari kerasulannya, lalu Allah S.W.T menurunkan ayat tersebut.

Cuba kita teliti bagaimana kedudukan Nabi Muhammad s.a.w di sisi Allah. Bagaimana Allah mengkabulkan doa Yahudi Ghotfan mereka yang ingkar dengan Allah? Sedangkan Allah mengetahui golongan Yahudi merupakan golongan yang paling menentang dan memusuhi Nabi s.a.w.

Orang Yahudi Ghotfan telah bertawassul dengan Nabi s.a.w sebelum kelahiran nabi di alam wujud. Bagaimana halnya kini Nabi s.a.w telah diutus sebagai rahmat kepada sekalian alam? Maka sesiapa yang menolak keharusan bertawassul dengan Nabi s.a.w, bermakna menolak suatu yang telah terang keharusannya melalui nas Al-Quran.

5. Firman Allah S.W.T dalam surah an-Naml ayat 38:

قَالَ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُوا أَيُّكُمْ يَأْتِينِي بِعَرْشِهَا قَبْلَ أَنْ يَأْتُونِي مُسْلِمِينَ .

Ertinya: Nabi Sulaiman berkata pula (kepada golongan bijak pandainya): "Wahai pegawai-pegawaku, siapakah di antara kamu yang dapat membawa kepadaku singgahsanya sebelum mereka datang mengadapku dalam keadaan berserah diri memeluk Islam?"

Nabi Sulaiman telah meminta (kepada golongan bijak pandainya) daripada kalangan jin dan manusia. Ini bermakna meminta pertolongan daripada makhluk yang tidak ada kudrat kecuali daripada Allah. Dalam perkara ini Allah tidak menegur Nabi Sulaiman dengan katanya: Kenapa engkau meminta

pertolongan dengan yang lain daripadaKu sedangkan Aku lebih dekat kepadamu, sedangkan mereka semua tidak mempunyai kemampuan mengenai soal ini selain daripadaKu. Dalam soal ini, Nabi Sulaiman mengetahui bahawa apa yang diminta itu hanyalah sebagai sebab dan karamah, sedangkan hakikatnya adalah perbuatan Allah jua.

6. Firman Allah dalam surah a-Nisa' ayat 64:

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَأَسْتَغْفَرَ لَهُمْ

الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا ﴿٦٤﴾

Ertinya: Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.

Allah kaitkan penerimaan permohonan ampun mereka yang zalim itu dengan permohonan ampun yang dipohon oleh Nabi s.a.w dan permohonan ampun Nabi s.a.w kepada umatnya itu tidak terikat hanya semasa hayat Baginda sahaja.⁶

DALIL HARUS BERTAWASSUL MENGIKUT SUNNAH

1. Diriwayatkan oleh Al-Hakim Abu Abdullah dengan sanad yang hasan daripada al-Ba'i dalam kitab al-Mustadrak di mana sanadnya daripada Umar bin Al-Khattab r.a berkata: Rasulullah s.a.w bersabda:

لَمَّا قَتَرَ آدَمُ الْخَطِيئَةَ قَالَ: يَا رَبِّ، أَسْأَلُكَ بِحَقِّ مُحَمَّدٍ إِلَّا غَفَرْتَ لِي؟ فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا آدَمُ، كَيْفَ عَرَفْتَ مُحَمَّدًا وَلَمْ أَخْلُقْهُ؟ قَالَ رَبِّ، إِنَّكَ لَمَّا خَلَقْتَنِي رَفَعْتَ رَأْسِي، فَرَأَيْتُ عَلَى قَوَائِمِ الْعَرْشِ مَكْتُوبًا: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ. فَعَلِمْتُ أَنَّكَ لَمْ تَضِفْ إِلَيَّ اسْمِكَ إِلَّا أَحَبَّ الْخَلْقِ إِلَيْكَ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: صَدَقْتَ يَا آدَمُ، إِنَّهُ لِأَحَبُّ الْخَلْقِ إِلَيَّ، وَإِذَا سَأَلْتَنِي بِحَقِّهِ فَقَدْ غَفَرْتُ لَكَ، وَلَوْ لَا مُحَمَّدٌ مَا خَلَقْتُكَ.

Ertinya: Manakala Nabi Adam melakukan kesilapan (dosa) baginda berkata: Wahai Tuhanku, aku memohon kepadaMu dengan kelebihan Nabi Muhammad adakah Engkau mengampunkanku? Lalu Allah berfirman: Wahai Adam! Bagaimana engkau mengetahui Nabi Muhammad sedangkan aku masih belum menjadikannya? Nabi Adam menjawab: Wahai Tuhanku, Sesungguhnya tatakala Engkau menjadikan aku, aku mengangkat kepalaku, lalu aku terlihat ditiang arasy tertulis: Tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, maklumlah aku bahawa Engkau tidak akan menggandingkan bersama dengan namaMu melainkan makhluk yang paling Engkau sayangi. Lalu Allah

*berfirman: Betul wahai Adam, sesungguhnya beliau adalah makhluk yang paling aku sayangi, danandainya Engkau berdoa dengan hak namanya, nescaya aku ampunkan dosamu, dan sekiranya bukan kerana Muhammad nescaya Aku tidak jadikan engkau.*⁷

Maksud 'Haq' di sini ialah darjatnya di sisi Allah. Dalam hadis ini Nabi Adam berdoa dengan bertawassul kepada Nabi Muhammad s.a.w yang belum lahir pada ketika itu.

Cara Nabi Adam berdoa dijelaskan oleh Nabi s.a.w kepada umatnya supaya umat Islam mengambil contoh dan meneladaninya, kerana doa sedemikian dimakbulkan oleh Allah.

2. Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab Sahih al-Bukhari, hadis daripada Ibn Abbas bahawa Nabi s.a.w menyebutkan kisah Hajar bonda kepada Nabi Ismail a.s bahawa beliau apabila mendapati anaknya kehausan, beliau berusaha mencari air lalu mendengar suara malaikat berkata: "Mintalah pertolongan jika sekiranya kamu boleh meminta pertolongan" sedangkan beliau tidak melihat sesiapa pun di situ. Jika sekiranya istighathah dengan yang lain daripada Allah S.W.T itu syirik nescaya Hajar tidak akan meminta sebarang pertolongan daripada sesiapa pun.

3. Sabit daripada hadis sahih Bukhari, Muslim dan lain-lain di mana Nabi s.a.w menceritakan mengenai kisah tiga orang yang masuk ke dalam sebuah gua lalu berlaku runtuhan batu menyebabkan batu menyumbat pintu gua, lalu mereka tidak dapat keluar daripada gua tersebut. (Al-Bukhari (3465) Abdul Baqi) dalam kisah ini mereka berkata:

يَا هَوْلَاءِ، إِنَّهُ لَا يُجِيبُكُمْ مِمَّا أَنْتُمْ فِيهِ إِلَّا أَنْ تَدْعُوا اللَّهَ تَعَالَى
بِصَالِحِ مَا عَمَلْتُمْ ، فَدَعَا كُلُّ مِنْهُمْ بِصَالِحِ مَا يَرْجُو قَبُولَهُ مِنْ عَمَلِهِ
فَاسْتَجَابَ اللَّهُ تَعَالَى لَهُمْ ، وَفَرَّجَ عَنْهُمْ .

Ertinya: Wahai kamu bertiga, sesungguhnya tidak ada yang dapat melepaskan kamu daripada apa yang kamu hadapi, kecuali kamu berdoa kepada Allah S.W.T melalui amal-amal soleh yang kamu telah lakukan, lalu setiap daripada mereka berdoa dengan menyebutkan amal-amal soleh yang dilakukan semoga amalannya itu diterima, lalu Allah mengkabulkan doa mereka dan mereka pun berjaya keluar daripada gua tersebut.

Dalam hadis ini menunjukkan harus bertawassul dengan amal-amal soleh. Jika sekiranya bertawassul dengan amalan-amalan yang baik tidak boleh atau menjadi syirik, nescaya Allah tidak akan mengkabulkan doa mereka dan Rasulullah s.a.w sendiri tidak akan mengakuinya.

Dalam kitab Ma'rad al-Thana', Imam al-Nawawi r.h menyebutkan: Sahabat-sahabat kami menjadikan hadis ini sebagai dalil di mana seseorang itu dibolehkan berdoa semasa ditimpa musibah, doa semasa solat meminta hujan dan sebagainya dengan amalan-amalan solehnya dan bertawassul dengan amalan itu kepada Allah. Kerana apabila mereka bertiga berbuat demikian dikabulkan doanya oleh Allah S.W.T.

Al-Thobarani dan lainnya meriwayatkan hadis daripada Anas, beliau berkata: Manakala Fatimah binti Asad, bonda Saiyidina Ali meninggal dunia, Rasulullah s.a.w menziarahinya ... Manakala telah selesai menggali kuburnya lalu Rasulullah s.a.w masuk dan duduk bersimpuh lalu bersabda:

اللَّهُ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ ، وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ ، اغْفِرْ لِمَ فَاطِمَةَ
بِنْتِ أَسَدٍ ، وَلَقِنَهَا حُجَّتَهَا ، وَوَسَّعَ عَلَيْهَا مَدْخَلَهَا ، بِحَقِّ نَبِيِّكَ
وَالْأَنْبِيَاءِ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِي فَإِنَّكَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ .

Ertinya: Allah yang menghidupkan dan mematikan dan Dia hidup tidak mati, ampunkanlah dosa Ummi Fatimah binti Asad, mudahkanlah beliau menjawab pertanyaan para malaikat yang

*menyoalnya dan luaskanlah ke atasnya tempat tinggalnya dengan berkat doa nabiMu dan para nabi sebelumku kerana sesungguhnya Engkau adalah sebaik-baik yang memberi rahmat.*⁸

Dalam hadis ini Rasulullah s.a.w bertawassul kepada Allah dengan dirinya sendiri, yang ia merupakan semulia-mulia rasul dan para sahabatnya dari kalangan nabi-nabi yang telah meninggal dunia, mudah-mudahan dirahmeninggal dunia oleh Allah kesemuanya.

Cuba kita perhatikan! Dengan siapa kita ingin berpandu? Dengan baginda Rasulullah s.a.w yang bertawassul dengan para nabi yang hidup dan yang telah meninggal dunia sebagaimana yang dijelaskan sendiri oleh Baginda sa.w; atau dengan mereka yang mereka-reka pelbagai bid'ah yang melampau sikapnya di mana menolak bertawassul dengan orang yang telah meninggal dunia dari kalangan para nabi dan orang-orang yang soleh. Mereka mendakwa bahawa cara ini tidak disyariatkan atau boleh menjadi syirik.

Peristiwa Isra' dan Mikraj juga menjadi bukti bahawa bertawassul dengan mereka yang telah meninggal dunia itu adalah diharuskan. Peristiwa Nabi Muhammad s.a.w berulang alik menemui Nabi Musa yang telah wafat di mana menggalakkan Rasulullah s.a.w untuk mohon diringankan fardhu solat daripada lima puluh waktu kepada lima waktu sahaja.

Dalam surah Al-Zuhruf ayat 45 Allah berfirman:

وَسْأَلُ مَنْ أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رُسُلِنَا أَجَعَلْنَا مِنْ دُونِ الرَّحْمَنِ

ءَالِهَةً يُعْبَدُونَ ﴿٤٥﴾

Ertinya: Dan bertanyalah kepada umat mana-mana Rasul yang Kami telah utuskan sebelummu; pernahkan Kami memberi hukum menetapkan sebarang Tuhan untuk disembah, selain dari Allah Yang Maha Pemurah.

Dalam hadis riwayat Imam Ahmad, Muslim dan al-Nasaie:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَرَرْتُ عَلَى مُوسَى عِنْدَ
الْكَيْبِ الْأَحْمَرِ وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي فِي قَبْرِهِ.

Ertinya: Bahawasanya Nabi Muhammad s.a.w bersabda: Pada malam Isra' saya melalui Nabi s.a.w. di Kaaibil Ahmar, baginda berdiri solat di kuburnya.

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa rasul-rasul sebelum Nabi Muhammad s.a.w walaupun mereka telah wafat lebih awal, namun masih boleh dihubungi dan berkomunikasi dengan mereka dan ini berlaku semasa peristiwa Isra' Mikraj di mana mereka telah menunaikan solat secara berjamaah dengan Nabi Ibrahim, Nabi Musa dan Nabi Isa a.s.

CONTOH BERTAWASUL

Untuk menjelaskan lagi persoalan ini, Ahli Sunnah wal Jamaah berhujah melalui dalil Al-Quran dan sunnah mengenai bolehnya berdoa dengan bertawassul, iaitu:

Contoh bertawassul dengan Rasulullah s.a.w

1. Firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 64:

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ
لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

Ertinya: Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.

Ayat ini dapat diertikan, bahawa setiap orang yang telah melakukan dosa, kalau mereka datang kepada Nabi Muhammad s.a.w (pada ketika masih hidup atau sesudah baginda wafat) dan meminta ampun ia kepada Allah di hadapan Nabi dan Nabi meminta ampunkan pula untuk orang itu nescaya pemohonannya dikabulkan Allah.

Mengikut K.H. Sirajuddin Abas, inilah yang dikatakan berdo'a dengan bertawassul, iaitu datang kepada Nabi dan berdo'a di hadapan Nabi, sedang Nabi meminta ampunkan ia pula, sudah pasti Allah menerima doanya itu.

Mungkin timbul persoalan, kalau kita minta do'a kepada baginda semasa baginda masih hidup dan baginda mendoakan, itu tidak timbul masalah, tetapi persoalannya ialah kini baginda sudah wafat, apakah baginda masih dapat mendoakan kita? Dalam soal ini Ahli Sunnah wal Jamaah menjawab dengan tegas baginda dapat mendoakan kita kerana nabi hidup di alam kuburnya.

Pertanyaan lain mungkin timbul, apa salahnya kalau kita berdo'a terus kepada Allah tanpa melalui Nabi terlebih dahulu, apakah do'a kita tidak diterima Allah?

Berdo'a secara langsung boleh dan diterima oleh Allah doanya, tetapi berdo'a di hadapan Nabi lebih yakin untuk dikabulkan sesuai dengan ayat 64 surah al-Nisa' di atas.

Sebenarnya ayat ini mempunyai hikmah yang tinggi iaitu supaya orang beramai-ramai datang menziarahi Nabi supaya mereka lebih mencintai Nabi, supaya mereka bertambah gigih mengikuti perjuangan Nabi dan supaya mereka bertauhid sedalam-dalamnya sebagaimana tauhid Nabi.

Persoalannya, adakah orang yang berdo'a seperti ini menyembah Nabi? Sudah tentulah tidak, tidak sama sekali. Kalau semacam ini dinamakan menyembah Nabi sudah tentu tidak dianjurkan oleh Al-Quran berbuat sedemikian.⁹

2. Dalam kitab Fath Al-Bari disebutkan:

عَنْ أَنَسٍ أَنَّ عُمَرَ ابْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ كَانَ إِذَا قُحِطُوا
اسْتَسْقَى بِالْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ فَقَالَ: اللَّهُمَّ كُنَّا نَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّنَا
فَتَسْقِينَا وَإِنَّا نَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِعَمِّ نَبِيِّنَا فَاسْقِنَا فَيُسْقَوْنَ. (رواه البخاري).

Ertinya: Daripada Anas bin Malik berkata: Bahawasanya Saiyidina Omar bin al-Khattab r.a. apabila berlaku kemarau beliau berdoa bertawassul dengan Abas bin Abdul Muttalib (bapa saudara nabi). Omar bin al-Khattab berdoa: Ya Allah, bahawasanya kami pernah berdoa dengan bertawassul kepada Engkau dengan Nabi, maka Engkau turunkan hujan, dan sekarang kami bertawassul dengan bapa saudara Nabi kami, maka turunkanlah hujan ya Allah, maka turunkanlah hujan kepada kami.¹⁰

Hadis ini memberikan pertunjuk kepada kita beberapa perkara seperti berikut:

1. Saiyidina Omar al-Khattab adalah sahabat Nabi dan khalifah al-Rasyidin yang kedua, beliau pernah berdoa bertawassul kepada Nabi s.a.w untuk mohon diturunkan hujan pada musim kemarau. Beliau juga pernah berdoa dengan bapa saudara Nabi, Abas ibn Abdul Muttalib untuk mohon hujan dan doanya dikabulkan oleh Allah dan turunkan hujan sebagaimana yang diminta.

3. Saiyidina Omar al-Khattab sebenarnya berdoa kepada Allah, bukan meminta kepada Nabi atau kepada bapa saudara nabi iaitu Abas ibn Abdul Muttalib, tetapi melalui nama-nama beliau itu dirafakan kepada Allah.

4. Saiyidina Omar al-Khattab berdoa dengan bertawassul kepada bapa saudara Nabi bukan kepada Nabi s.a.w sendiri yang membuktikan bertawassul kepada orang yang lebih rendah

kedudukannya itu dibolehkan walaupun ada orang yang lebih tinggi darjatnya.

Adakah berdoa dengan bertawassul semacam ini syirik, kafir atau bid'ah? Sudah tentulah tidak, kerana kalau perlakuan sedemikian dihukumkan syirik, kafir atau bid'ah sudah tentulah sahabat-sahabat Nabi khususnya Saiyidina Omar al-Khattab tidak akan berbuat demikian. Apa yang dapat disimpulkan ialah bahawa orang yang memfatwakan berdoa dengan bertawassul itu bid'ah, maka mereka itulah yang membuat bid'ah dalam iktiqad.

عَنْ عُمَانَ بْنِ حُنَيْفٍ أَنَّ رَجُلًا ضَرَبَ الْبَصَرَ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : أَدْعُ اللَّهَ أَنْ يُعَافِيَنِي ، قَالَ : إِنْ شِئْتَ دَعَوْتَ وَإِنْ شِئْتَ صَبَرْتَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكَ ، قَالَ : فَادْعُهُ فَأَمْرُهُ أَنْ يَوْضَأَ فَيُحْسِنَ وُضُوئَهُ وَيَدْعُوَ بِهَذَا الدُّعَاءِ : اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ إِنِّي تَوَجَّهْتُ بِكَ إِلَى رَبِّي فِي حَاجَتِي هَذِهِ لِيُقْضَى لِي ، اللَّهُمَّ فَشَفِّعْهُ لِي . (رواه الترمذي).

Ertinya: Daripada Uthman bin Hunaif, bahawasanya seorang laki-laki cacat pengelihatan datang kepada Nabi Muhammad s.a.w, maka ia berkata: Wahai Rasulullah, tolonglah mintakan kepada Allah agar Ia menyembuhkan aku. Maka Nabi s.a.w. menjawab: Kalau engkau suka engkau boleh berdoa, dan kalau engkau suka engkau boleh bersabar dan itulah yang terbaik bagimu. Orang itu mendesak supaya didoakan, lalu Nabi s.a.w. menyuruh dia mengambil air sembahyang dengan sempurna dan berdoa dengan doa ini: "Ya Allah aku mohon kepadaMu dan aku mengharap kepadaMu dengan NabiMu Muhammad s.a.w, nabi pembawa rahmat. Sesungguhnya aku mengharap

*pertolonganmu untuk menyampaikan kepada Tuhanku supaya menerima permohonan dan memperkenankan hajatku. Ya Allah jadikanlah baginda syafaat bagiku”.*¹¹

Dalam hadis ini berdoa dengan bertawassul lebih dekat dikabulkan Allah. Sekiranya perkara ini tidak diharuskan sudah tentu dilarang oleh nabi s.a.w, tetapi yang berlaku sebaliknya iaitu baginda menganjur dan mengajarkan doa yang perlu dibaca oleh lelaki tersebut.

Contoh bertawassul dengan para anbiya' (nabi-nabi).

Hadis riwayat Al-Thobarani, dikatakan hadis ini hadis hasan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي دُعَائِهِ: بِحَقِّ نَبِيِّكَ وَالْأَنْبِيَاءِ
مَنْ قَبْلِي.

Ertinya: Bahawasanya Nabi s.a.w pernah berdoa dengan mengatakan: Dengan hak nabiMu dan nabi-nabi sebelum aku.

Ini bermakna bahawa Nabi s.a.w pernah bertawassul dengan nabi-nabi sebelum baginda. Ini adalah tawassul kepada orang-orang yang mulia pada sisi Allah yang telah meninggal dunia.

Contoh bertawassul dengan orang-orang yang mulia

Hadis daripada Abi Said Al-Khudri:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ
خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ فَيَدْعُو : اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِحَقِّ السَّائِلِينَ إِلَيْكَ ،
وَبِحَقِّ مَمْشَايَ هَذَا فَإِنِّي لَمْ أَخْرُجْ بَطْرًا وَلَا رِيَاءً وَلَا سُمْعَةً وَلَكِنِّي

خَرَجْتُ إِتْقَاءَ سُخْطِكَ ، وَابْتِغَاءَ مَرْضَاتِكَ أَنْ تُنْقِلَنِي مِنَ النَّارِ وَأَنْ
تُدْخِلَنِي الْجَنَّةَ وَأَنْ تُغْفِرَ لِي ذُنُوبِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ .
غَفَرْتُ لَهُ .

Ertinya: Daripada Abi Said al-Khudri daripada Nabi s.a.w bersabda: Barang siapa keluar daripada rumahnya hendak pergi solat, lalu ia berdoa: Ya Allah, aku bermohon kepadaMu dengan 'hak' semua orang yang berdoa kepadaMu, dan saya mohon doa dengan 'hak' perjalanan aku ini kepadaMu. Aku tidak keluar kerana bermegah-megah, tidak pula kerana sombong, tidak pula kerana hendak menunjuk-nunjuk dan hendak dipuji, aku keluar kerana takut kepada kemurkaanMu dan hendak menuntut keredhaanMu, aku mohon dijauhkan daripada neraka dan dimasukkan ke dalam syurga serta diampuni dosa-dosaku, kerana tidak ada yang mampu mengampuni dosaku melainkan Engkau. Lalu Nabi mengatakan: Bahawa Tuhan mengatakan Aku ampuni baginya.

Doa yang diajarkan oleh nabi s.a.w ini mengajar kita untuk bertawassul dengan doa semua orang yang berdoa kepada Allah dan dengan perjalanannya ke tempat solat. Ini tawassul dengan amal ibadat namanya.

Contoh bertawassul dengan amal soleh yang telah dilakukan.

Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Umar:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : خَرَجَ ثَلَاثَةَ
يَمْسُونًا فَأَصَابَهُمُ الْمَطَرُ فَدَخَلُوا فِي غَارٍ فِي جَبَلٍ فَاتَحَطَّتْ عَلَيْهِمْ صَخْرَةٌ
قَالَ : قَالَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ اذْعُوا اللَّهَ بِأَفْضَلِ عَمَلٍ عَمِلْتُمُوهُ ، فَقَالَ

أَحَدُهُمْ إِنِّي كَانَ لِي أَبَوَانِ شَيْخَانِ كَثِيرَانِ فَكُنْتُ فَارِعَى ثُمَّ أَجِئُ
فَأَحْلُبُ فَاجِئُ بِالْحِلَابِ فَاتِي بِهِ أَبُوِّي فَيَشْرِبَانِ ثُمَّ أَسْتَقِي الصَّبِيَةَ وَأَهْلِي
وَأَرَانِي لَيْلَةً فَجِئْتُ فَإِذَا هُمَا نَائِمَانِ قَالَ فَكْرِهْتُ أَنْ أُوقِظَهُمَا وَالصَّبِيَةَ
يَبْضَاغُونَ عِنْدَ رَجُلِي فَلَمْ يَزَلْ ذَلِكَ دَائِي وَدَائِيهِمَا حَتَّى طَلَعَ الْفَجْرُ.
اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنِّي فَعَلْتُ ذَلِكَ ابْتِغَاءً وَجْهَكَ فَافْرُجْ عَنَّا فُرْجَةً تَرَى
مِنْهَا السَّمَاءَ قَالَ: فَفَرَّجَ عَنْهُمْ. (رواه البخاري ومسلم).

Ertinya: Daripada Ibn Omar, daripa Nabi s.a.w. bersabda: Pada zaman dahulu kala ada tiga orang dalam perjalanan, tiba-tiba turunlah hujan, lalu mereka berteduh ke dalam sebuah gua pada suatu bukit. Kebetulan runtuhlah batu-batu dan menutupi pintu gua tersebut. Salah seorang daripada mereka berkata kepada kawannya: Berdoalah kepada Allah dengan berkat amal soleh yang pernah engkau lakukan. Lalu salah seorang itu berdoa: Ya Allah sesungguhnya aku mempunyai dua orang ibu bapa yang sudah tua. Saya keluar mengembala dan saya perah susu gembalaanku, lalu aku bawa susu itu pulang untuk minuman ibu bapaku, anak-anak dan isteriku dengan susu itu. Pada suatu hari aku terlambat pulang, aku dapati ibu bapaku sudah tidur, aku tidak mahu mengganggu mereka, padahal anak-anak sudah bertangisan meminta susu di bawah kakiku, begitulah aku tunggu sampai pagi. Ya Allah, kalau Engkau tahu bahawa aku melakukan amal itu kerana semata-mata menuntut keredhaanMu, maka bukakanlah pintu gua ini sehingga kami dapat keluar semula. Nabi s.a.w menjelaskan lebih lanjut bahawa pintu gua itu dibuka oleh Allah. Yang berdua lagi berdoa dengan bertawassul dengan amal soleh mereka masing-masing.¹²

Hadis ini mengajar kita supaya umatnya melakukan amalan yang serupa sebagaimana yang dilakukan oleh mereka

yang terperangkap di dalam gua itu apabila menghadapi sebarang kesusahan iaitu bertawassul dengan amal soleh.

Mereka bertawassul dengan amal soleh yang telah mereka kerjakan tanpa menyebut: ya Allah bukalah pintu gua ini, tetapi dengan mengatakan: Ya Allah berkat amal soleh yang telah aku lakukan, bukalah pintu gua ini.

PERBEZAAN ANTARA IBADAT DENGAN TAWASSUL

Imam al-Syed Izzuddin Madhi Abi al-Aza'im mengatakan, bahawa sujud tidak dikira ibadat dan tidak dianggap kufur kecuali bergantung kepada niatnya. Sujud para malaikat kepada Adam adalah ibadah kepada Allah S.W.T. bukan kepada Adam kerana malaikat mematuhi perintah Allah dan mengagungkanNya. Sujud kerana memberi penghormatan adalah diamalkan pada syariat-syariat yang lalu sebelum daripada Islam. Ini dibuktikan melalui sujudnya Nabi Yaakob dan anak-anaknya kepada Nabi Yusuf sebagaimana termaktub dalam surah Yusuf ayat 100:

وَرَفَعَ أَبْوَيْهِ عَلَى الْعَرْشِ وَخَرُّوا لَهُ سُجَّدًا ...

Ertinya: Dan ia dudukkan kedua ibu bapanya (bersama-samanya) di atas kerusi kebesaran. Dan setelah itu mereka semuanya tunduk memberi hormat kepada Yusuf.

Ibadat mengikut bahasa dan syarak maknanya tunduk dan patuh mengabdikan diri kepada yang disembah, justeru itu bukan bererti setiap memberi hormat itu bererti ibadah.

Ada pendapat yang mengatakan: Bahawa bertawassul dan Istighasah dengan para nabi dan wali-wali merupakan beribadat kepada selain daripada Allah S.W.T pada anggapan mereka dikiaskan kepada penyembahan kepada api (authan), ini adalah kias yang tidak betul berdasarkan dalil-dalil berikut:

1. Golongan ini kurang memahami hakikat ibadat. Ibadat ialah kepatuhan yang mutlak dengan niat menghampirkan diri kepada Allah, ini tidak berlaku kecuali kepada yang paling agung. Lantaran itu golongan salaf ada mengatakan: Sesiapa yang menyembah Allah kerana inginkan syurga atau takutkan neraka, mereka masih lagi belum menyembah Allah dalam erti kata yang sebenar-benarnya, kerana mereka menjadikan balasan tersebut sebagai matlamat dan amalan itu sebagai wasilah. Contohnya tujuan solat adalah untuk mengharapakan keredhaan Allah bukan untuk mendapatkan syurga atau mengelakkan neraka. Jika solat hanya kerana syurga atau menjauhkan daripada neraka, bermakna ia masih tidak memenuhi tuntutan solat dalam erti kata

yang sebenar iaitu mematuhi titah perintah Allah yang diertikan sebagai ibadat.

2. Perbezaan antaran ibadat dengan tawassul. Bahawa ibadat kepada selain daripada Allah S.W.T mencakupi menentang perintah Allah, menetapkan yang layak disembah selain daripada Allah, dan menjadikan selain daripada Allah S.W.T itu sebagai penyembahan dan memberikan kepatuhan sedangkan ia tidak layak disembah dan dipatuhi.

3. Kejahilan golongan ini mengenai hakikat ibadat membawa mereka kepada kias atau perbandingan yang tidak tepat, iaitu mereka mengkiaskan sesuatu perkara yang tidak boleh dikatakan ibadat sebagai ibadat seperti melakukan nazar dan penyembelihan bukan kerana Allah seperti yang dilakukan di zaman jahiliah.

4. Keseluruhan para ulama' mensyaratkan mengenai sahnya kias (perbandingan) hendaklah apa yang dikiaskan itu tidak dinaskan dalam al-Quran dan sunnah. Yang dikiaskan disini ialah Tawassul, ia dinaskan di dalam al-Quran dan sunnah, maka kias pada perkara yang ada nas adalah batal mengikut ijmak.¹³

TANGGAPAN GOLONGAN WAHHABI MENGENAI TAWASSUL

Tawassul dengan para nabi dan wali-wali pada pandangan golongan ini dianggap sebagai syirik seperti golongan penyembah api. Ia berhujah dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran yang diturunkan kepada golongan musyrikin di mana diturunkan ke atas umat Muhammad yang mengesakan Allah S.W.T, antaranya firman Allah dalam surah al-Jin ayat 18:

فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا ﴿١٨﴾ الجن : 18

Ertinya: maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun bersama-sama Allah.

FirmanNya dalam surah al-Ahqaf ayat 5:

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّن يَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَنْ لَا يَسْتَجِيبُ لَهُ إِلَى يَوْمِ

الْقِيَامَةِ وَهُمْ عَن دُعَائِهِمْ غَفْلُونَ ﴿٥﴾ سورة الاحقاف : 5

Ertinya: Dan apabila manusia dihimpunkan (untuk dihitung amalannya pada hari akhirat), menjadilah segala yang disembah itu musuh kepada orang-orang yang menyembahnya, dan segala yang disembah itu juga tidak mengakui serta mendustakan penyembahan mereka kepadanya.

FirmanNya lagi dalam surah Yunus ayat 106:

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ

إِذَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠٦﴾ يونس : 106

Ertinya: Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfa'at kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada sa'at itu menjadilah engkau dari orang-

orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu).

FirmanNya lagi dalam surah Fatir ayat 13-14:

وَالَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ مَا يَمْلِكُونَ مِنْ قِطْمِيرٍ ﴿١٣﴾ إِنَّ تَدْعُوهُمْ لَا يَسْمَعُوا دُعَاءَكُمْ وَلَوْ سَمِعُوا مَا اسْتَجَابُوا لَكُمْ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكْفُرُونَ بِشِرْكِكُمْ ۗ وَلَا يُنَبِّئُكَ مِثْلُ خَبِيرٍ ﴿١٤﴾ فاطر: 13-14

Ertinya: Allah jua yang memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silih berganti), dan Ia yang memudahkan peredaran matahari dan bulan; tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Yang melakukan semuanya itu ialah Allah Tuhan kamu bagiNya ialah kuasa pemerintah; sedang mereka yang kamu sembah - yang lain dari Allah - tidak mempunyai sesuatu pun walau senipis selaput biji korma.

Kalau kamu memohon kepada mereka (yang kamu sembah itu): mereka tidak mendengar permohonan kamu, dan kalaulah mereka mendengar pun, mereka tidak dapat memberikan apa yang kamu pohonkan itu; dan pada hari kiamat pula mereka mengingkari perbuatan syirik kamu. Dan (ingatlah) tidak ada yang dapat memberitahu kepadamu (wahai Muhammad akan hakikat yang sebenarnya) seperti yang diberikan Allah Yang Maha Mendalam Pengetahuannya.

FirmanNya lagi dalam surah al-Syu'ara' ayat 213:

فَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ فَتَكُونَ مِنَ الْمُعَذَّبِينَ. سورة الشعراء : 213

Ertinya: Maka janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah, akibatnya engkau akan menjadi dari golongan yang di kenakan azab seksa.

FirmanNya lagi dalam surah al-Ra'du ayat 14:

لَهُ دَعْوَةُ الْحَقِّ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُمْ بِشَيْءٍ إِلَّا كَبْسِطٍ كَفَّيْهِ إِلَى الْمَاءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَلِغِهِ وَمَا

دُعَاءُ الْكَافِرِينَ إِلَّا فِي ضَلَالٍ ﴿١٤﴾ سورة الرعد : 14

Ertinya: Kuasa menerima ibadat yang benar adalah tertentu bagi Allah; dan benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, tidak akan dapat menyahut atau memberikan sesuatupun kepada mereka, hanyalah seperti orang yang membentangkan kedua tapak tangannya kepada air supaya sampai ke mulutnya, padahal air itu sudah tentu tidak akan sampai kepadanya. Dan tiadalah ibadat dan do'a permohonan orang-orang kafir itu melainkan dalam kesesatan.

FirmanNya lagi dalam surah al-Isra' ayat 56-57:

قُلْ أَدْعُوا الَّذِينَ زَعَمْتُمْ مِنْ دُونِهِ فَلَا يَمْلِكُونَ كَشْفَ الضُّرِّ عَنْكُمْ وَلَا تَحْوِيلًا ﴿٥٦﴾ أُولَئِكَ الَّذِينَ يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَى رَبِّهِمُ الْوَسِيلَةَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ وَيَرْجُونَ رَحْمَتَهُ وَيَخَافُونَ عَذَابَهُ ﴿٥٧﴾

إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ مَحْذُورًا ﴿٥٧﴾ الاسراء : 56-57

Ertinya: Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum musyrik): "Serukanlah orang-orang yang kamu dakwa (boleh memberi pertolongan) selain dari Allah, maka sudah tentu mereka tidak berkuasa menghapuskan bahaya daripada kamu dan tidak dapat memindahkannya".

Orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampirkan diri kepada Tuhannya (dengan berbuat ibadat), sekalipun orang yang lebih dekat kepada Tuhannya, serta mereka pula mengharapakan rahmatNya dan

gerun takut akan azabNya; sesungguhnya azab Tuhanmu itu, adalah (perkara yang semestinya) ditakuti.

Dan lain-lain ayat lagi yang diturunkan kepada orang musyrikin. Golongan Wahhabi menyangka bahawa setiap orang yang bertawassul dengan Nabi s.a.w dan lainnya daripada kalangan para nabi dan wali-wali adalah dikategorikan dalam golongan orang musyrikin. Yang menyebabkan mereka keliru ialah bahawa pengajarannya berdasarkan lafaz yang umum bukan kerana sebab yang khusus.¹⁴

MENOLAK TANGGAPAN WAHHABI

1. Ayat-ayat yang didakwa oleh golongan Wahhabi sebagai perilaku orang-orang kafir tidak ada kaitan langsung dengan orang-orang Islam yang bertawassul itu, kerana doa yang tersebut di dalam ayat-ayat itu mempunyai berbagai makna, antaranya dinamakan nisbah iaitu menisbahkan mereka kepada golongan musyrikin. Firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 5:

أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ سُورَةُ الْاِحْزَابِ : 5

Ertinya: maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai "maula-maula" kamu.

FirmanNya lagi dalam surah al-Baqarah ayat 23:

وَأَدْعُوا شُهَدَاءَكُمْ سُورَةُ الْبَقَرَةِ : 23

Ertinya: dan panggillah orang-orang yang akan percaya boleh menolong kamu selain dari Allah.

FirmanNya lagi dalam surah Ghafir ayat 60:

أَدْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ سُورَةُ غَافِرٍ : 60

Ertinya: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.

FirmanNya lagi dalam surah al-nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ سورة النحل : 125

Ertinya: *Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan*

FirmanNya lagi dalam surah Yasiin ayat 57:

وَلَهُمْ مَا يَدْعُونَ سورة يس : 57

Ertinya: *dan mereka beroleh apa sahaja yang mereka kehendaki;*

FirmanNya lagi dalam surah Yunus ayat 10:

دَعْوَتُهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ سورة يونس : 10

Ertinya: *Do'a ucapan mereka di dalam Syurga itu ialah: (Maha Suci Engkau dari segala kekurangan wahai Tuhan).*

2. Adapun mengikut ayat-ayat yang dipetik oleh golongan Wahhabi itu, kesemuanya dianggap sebagai ibadah, sedangkan orang Islam tidak menyembah selain daripada Allah. Tidak ada orang-orang Islam daripada kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah yang mengambil atau menjadikan nabi-nabi dan wali-wali sebagai Tuhan dan menjadikannya sebagai sekutu Allah sehingga mereka merangkumkan kesemua ayat-ayat tersebut. Orang Islam tidak mengiktikadkan para nabi dan wali layak disembah, kerana mereka (para nabi dan wali) tidak menjadikan sesuatupun, mereka juga tidak boleh memberi manfaat dan mudharat, malahan mereka hanyalah hamba Allah. Apa yang diminta kepada mereka dengan cara bertawassul kepada Allah itu hanyalah sebagai tabarruk atau mengambil berkat disebabkan mereka itu sebagai kekasih Allah yang paling hampir dan dengan berkat mereka dapatlah rahmat para hamba Allah itu.

Golongan Wahhabi mendakwa bahawa alasan orang yang bertawassul itu samalah dengan alasan orang-orang musyrikin yang Allah jelaskan mengenai alasan mereka menyembah berhala, seperti firman Allah dalam surah al-Zumar ayat 3, iaitu:

مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ سورة الزمر : 3

Ertinya: Dan orang-orang musyrik yang mengambil selain dari Allah untuk menjadi pelindung dan penolong (sambil berkata): "Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampirkan kami kepada Allah sedamping-dampingnya".

Untuk menolak dakwaan tersebut dapat dijelaskan seperti berikut:

1. Orang-orang musyrik menjadikan berhala-berhala itu sebagai Tuhan mereka, sedangkan orang Islam tidak mengiktihadkan kecuali Tuhan yang satu, pada mereka para nabi adalah nabi dan wali-wali itu adalah wali, mereka tidak menyembah nabi dan wali sebagai Tuhan seperti orang musyrikin.
2. Orang musyrikin mengiktihadkan Tuhan mereka (berhala) layak untuk mengabdikan diri (ibadah), berbeza dengan orang Islam, mereka tidak mengiktihadkan sesiapa pun yang dijadikan perantara dalam bertawassul itu layak dipatuhi dan di disembah melainkan Allah S.W.T jua.
3. Orang-orang musyrikin betul-betul menyembah tuhan (berhala) sebagaimana dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Zumar ayat 3 yang ertinya: *Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampirkan kami kepada Allah sedamping-dampingnya.* Sedangkan orang Islam tidak menyembah nabi-nabi dan wali-wali dalam tawassul mereka kepada Allah S.W.T.
4. Orang-orang musyrikin bertujuan dengan penyembahan berhala-berhala mereka itu sebagai cara mendampirkan diri kepada Allah S.W.T. Sedangkan orang Islam tidak bertujuan dengan bertawassul melalui para nabi dan wali itu untuk menyembahnya, malahan ia hanya mengambil berkat dan mengharapkan syafa'at melalui mereka. Mengambil berkat dengan sesuatu adalah berbeza sama sekali dengan menghampirkan diri sebagai penyembahan.¹⁵

MENAFIKAN TAWASSUL ATAU WASILAH

Imam al-Syed Izzuddin Madhi Abi al-Aza'im dalam "Aiyuhal Qarniyyuna Halla Faqihum" menjelaskan bahawa orang yang menolak bertawassul atau menggunakan wasilah adalah melakukan suatu dosa dan mendapat kemurkaan Allah S.W.T kerana beberapa sebab:

1. Golongan ini telah melakukan pembohongan terhadap Allah S.W.T dengan mengingkari penggunaan wasilah, sedangkan mengingkari Allah itu adalah melakukan dosa besar, kerana perkara ini telah dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Maidah ayat 35:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوْا اللّٰهَ وَابْتَغُوْا اِلَيْهِ الْوَسِيْلَةَ وَجَاهِدُوْا

فِيْ سَبِيْلِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُوْنَ ﴿٣٥﴾

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman, Bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepadaNya (dengan mematuhi perintahNya dan meninggalkan laranganNya).

FirmanNya lagi dalam surah Al-Isra' ayat 57:

اُولٰٓئِكَ الَّذِيْنَ يَدْعُوْنَ يَدْعُوْنَ اِلَى رَبِّهِمْ الْوَسِيْلَةَ اُتٰهُمْ

اَقْرَبُ وَيَرْجُوْنَ رَحْمَتَهُ وَيَخَافُوْنَ عَذَابَهُ ...

Ertinya: Orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampingi diri kepada Tuhannya (dengan berbuat ibadat), sekalipun orang yang lebih dekat kepada Tuhannya, serta mereka pula mengharapkan rahmatNya dan gerun takut akan azabNya.

2. Bercanggah dengan firman Allah dalam surah al-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْ لَهُم بِأَلَّتِي
هِيَ أَحْسَنُ ...

Ertinya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.

Adalah menjadi kewajiban seorang pendakwah untuk melaksanakan tuntutan ayat ini, kerana apabila dalam diri seseorang pendakwah itu mempunyai perasaan dengki dan sangka buruk kepada orang lain, ia akan membuka ruang berlakunya tuduhan yang membuta tuli atau melulu terhadap mereka yang diserunya, mereka akan terjebak melakukan dosa besar disebabkan usahanya untuk menolak sesuatu yang dianggapnya sebagai bid'ah, seterusnya akan menjerumuskan dirinya dan orang lain dalam melakukan dosa yang dijanjikan oleh Allah ke atasnya dengan neraka jahanam sebagaimana dijelaskan dalam surah al-Anfal ayat 46:

وَلَا تَنَزَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ

Ertinya: dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu.

3. Perkara ini telah menimbulkan prasangka buruk kepada orang awam di mana dengan iktiqad tersebut mereka telah menghina kewibawaan Rasulullah s.a.w sebagai seorang rasul dengan menghukumkan sunnah nabi itu sendiri sebagai bid'ah yang menyesatkan disebabkan kejahilan mereka sehingga mereka tidak beramal dengan sunnah tersebut. Menghina Rasulullah s.a.w merupakan suatu dosa besar sebagaimana dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Nisa' ayat 65:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا

تَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿١٠٣﴾

Ertinya: Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad), Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah dihukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.

4. Mereka dengan angkuh dan mendabik dada menganggap diri mereka sahaja yang sempurna dan samapi ke tahap ulama' dan pendakwah tulin, sedangkan inilah yang dibenci dan dilarang oleh Allah sebagaimana dijelaskan dalam surah al-Kahf ayat 103-104:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ﴿١٠٣﴾ الَّذِينَ ضَلَّ سَعِيَّهُمْ فِي الْحَيَاةِ

الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ مُّحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾

Ertinya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Mahukah, Kami khabarkan kepada kamu akan orang-orang yang rugi serugi-ruginya amal-amal perbuatannya?" (laitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan.

Allah telah memberikan cubaan kepada mereka dan orang yang seumpamanya sekalipun mereka telah terlebih dahulu beriman, kerana ini merupakan antara dosa besar sebagaimana firman Allah dalam surah al-A'raf ayat 37:

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِآيَاتِهِ ۗ

Ertinya: Maka tidak ada yang lebih zalim daripada orang yang berdusta terhadap Allah atau yang mendustakan ayat-ayatNya.

Hingga kepada firman Allah seterusnya dalam surah al-A'raf ayat 38:

كُلَّمَا دَخَلَتْ أُمَّةٌ لَعْنَتٌ أُحِثُّهَا

Ertinya: Tiap-tiap satu umat yang masuk, mengutuk akan saudaranya (golongannya sendiri).

Mengikut Imam Abi Al-Aza'im lagi: "Aku mengatakan sedemikian kerana pada tanggapanku bahawa golongan ini belum lagi sampai ke tahap mujtahid yang mendapat satu ganjaran walaupun mereka tersilap".

Mengapa tidak? Orang yang berijtihad itu merupakan orang yang paling sempurna dari segi cara mereka beradab dengan Nabi s.a.w, orang yang ilmunya mendalam mengenai sesuatu perkara dan permasalahan di mana dalam persoalan ini, ia akan meletakkan seseorang yang bertawassul di satu tempat dan orang yang dikira beribadat di satu tempat yang lain bukan dihukum secara melulu tanpa usul periksa. Mereka mempunyai maklumat yang betul dalam sesuatu perkara dan tahu bagaimana cara mengatasi sesuatu permasalahan dalam masa yang sama. Ini semua merupakan wasilah untuk mendekati diri kepada Allah S.W.T. Mereka yang menghukum seseorang Islam dan beriman itu dengan hukuman kafir, syirik atau melakukan maksiat di sebabkan kejahilan mereka sendiri mengenai sesuatu perkara, adalah merupakan orang yang dilaknat oleh Allah S.W.T kerana ia membohongi Allah, sebagaimana dijelaskan dalam surah Ali Imran ayat 61:

فَنَجْعَلُ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَى الْكٰذِبِيْنَ

Ertinya: Kita meminta supaya la'nat Allah ditimpakan kepada orang-orang yang berdusta.

Tanggungjawab Kita

Kewajipan kita sekarang ialah menutup ruang yang boleh menimbulkan fitnah atau menyebarkan sesuatu yang sensasi serta menyerahkan urusan yang berkaitan itu kepada pentadbiran

agama dan pegawai-pegawai yang ahli dalam persoalan ini supaya kita dapat mengetahui mana yang benar dan mana yang salah dari apa yang kita lakukan itu. Bila kita sudah mengetahui keadaan sedemikian, marilah kita selesaikan permasalahan yang timbul dengan kembali kepada nas-nas syarak iaitu al-Quran dan sunnah.

Dalam hubungan ini, persoalan mengenai tawassul atau wasilah itu sebenarnya ialah menghampirkan diri kepada Allah dengan sesuatu yang dikasihiNya melalui penerapan akidah, ibadah, muamalah dan akhlak. Antara pendekatan yang boleh menyampaikan hajat kita kepada Allah ialah melalui mereka yang dikasihiNya iaitu para nabi dan orang-orang yang soleh dari kalangan wali-wali dan lainnya.

Ahli Sunnah wal Jamaah mengharuskan kita bertawassul dengan orang yang hidup mahupun yang telah meninggal dunia. Kerana mereka adalah hidup di alam barzah yang boleh menyampaikan hajat kita kepada Allah S.W.T.

Kita perlu bertawassul kepada Allah S.W.T dengan amalan yang dilakukan oleh Nabi s.a.w, percakapan, perilaku dan pengakuan Baginda s.a.w . Ini semua tidak akan tercapai kecuali mengikut apa yang disunnahkan oleh Nabi s.a.w. Maka orang yang menolak bertawassul atau wasilah dengan Nabi s.a.w bermakna ia menolak sebab atau kaedah yang telah ditetapkan oleh Allah untuk diamalkan oleh hamba-hambaNya.

Di dalam surah al-Israk ayat 57 Allah berfirman:

أُولَئِكَ الَّذِينَ يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَىٰ رَبِّهِمُ الْوَسِيلَةَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ
وَيَرْجُونَ رَحْمَتَهُ وَيَخَافُونَ عَذَابَهُ ...

Ertinya: Orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampingi diri kepada Tuhannya (dengan berbuat ibadah), sekalipun orang yang lebih dekat kepada Tuhannya, serta mereka pula mengharapkan rahmatNya dan gerun takut akan azabNya.

Manakala rahmat yang diharapkan itu jelas sebagaimana firman Allah dalam surah al-Anbiak ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Ertinya: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.¹⁶

KESIMPULAN

Syeikh Syed Zaini Dahlan, seorang bekas Mufti bermazhab Syafie di Makkah al-Mukarramah pada abad yang lalu mengungkapkan mengenai bertawassul itu dengan katanya:

Kesimpulannya, menurut fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah adalah harus dan sah bertawassul dengan Nabi Muhammad s.a.w, baik ketika baginda masih hidup mahu pun sesudah baginda wafat. Begitu juga boleh bertawassul dengan nabi-nabi dan rasul-rasul yang lain, dengan para wali dan orang-orang yang soleh sebagaimana yang dianjurkan oleh hadis-hadis yang telah kami terangkan terdahulu.

Kami kaum Ahli Sunnah wal Jamaah mengiktihadkan bahawa tiada seorang pun yang dapat memberi bekas, mengadakan, menjadikan, meniadakan, memberi manfaat dan memberi mudharat kecuali hanya Allah S.W.T yang Maha Esa yang tiada sekutu bagiNya.

Kita tidak mempercayai nabi boleh memberi bekas, nabi boleh memberi manfaat dan mudharat pada hakikatnya, demikian juga dengan nabi-nabi yang lain, baik orang yang telah meninggal dunia mahu pun yang masih hidup.

Dalam soal ini tidak ada perbezaan bertawassul dengan Nabi s.a.w dan nabi-nabi yang lain, rasul-rasul, wali-wali dan orang-orang soleh, juga tidak ada perbezaan antara bertawassul dengan mereka yang hidup atau yang telah meninggal dunia,

kerana mereka tidak menciptakan sesuatu, mereka tidak berkuasa sama sekali, hanya berkat mereka diambil kerana mereka kekasih Allah, yang mencipta dan mengadakan hanyalah Allah, yang Esa dan tiada sekutu bagiNya. Orang-orang yang membezakan antara orang yang hidup dengan orang meninggal dunia, maka orang itu mengiktihadkan bahawa orang hidup boleh mencipta sesuatu dan orang meninggal dunia tidak boleh berbuat sesuatu.

Kita berkeyakinan dan beriktihad bahawa yang menjadikan tiap-tiap sesuatu adalah Allah dan Allah itu menjadikan kita dan menjadikan pekerjaan orang-orang yang membolehkan bertawassul dengan orang yang masih hidup, tetapi melarang bertawassul dengan orang yang telah meninggal dunia, maka orang itu pada hakikatnya telah masuk syirik dalam iktihad dan tauhid mereka, kerana mereka mengiktihadkan bahawa yang hidup boleh mencipta, sedang orang telah meninggal dunia tidak boleh lagi.

Orang-orang yang beriktihad sedemikian, bagaimana pula mereka mengatakan bahawa mereka memelihara tauhid, dan orang dikatakannya pula telah masuk pada syirik, sedang pada hakikatnya merekalah yang kemasukan syirik. Maha Suci Engkau wahai Tuhan, itulah pembohongan mereka yang besar.¹⁷

ISTIGHATHAH



Mukadimah

Al-Istighathah (الِاسْتِغَاثَةُ) maknanya minta disampaikan permohonan melalui seseorang kepada Allah S.W.T untuk menunaikan hajatnya. Kerana tiada siapa bersama-sama Allah S.W.T dari segi melakukan sesuatu atau meninggalkan sesuatu, dan orang yang diminta pertolongan itu hanyalah sebagai sebab untuk mendapatkan syafaat, doa dan menyempurnakan hajat.

Antara Tawassul dengan Istighathah itu maknanya hampir sama iaitu minta pertolongan melalui perantara. Tawassul lebih umum kerana ia boleh dilakukan kepada mereka yang masih hidup dan mereka yang telah meninggal dunia. Manakala Istighathah lebih khusus kepada mereka yang telah meninggal dunia.

K.H. Sirajuddin Abbas dalam Iktiqad Ahli Sunnah wal Jamaah, 1996, (409-411) mengatakan: Golongan Wahhabi menghukumkan syirik orang yang meminta tolong selain daripada Allah S.W.T. Dalam kitab Al-Hidayah al-Sunniyah wa al-Tuhfah al-Wahhabiyyah karangan ulama' Wahhabi, hal. 66 mengatakan:

"Barang siapa menjadikan malaikat, nabi-nabi, Ibn Abbas, Ibn Abi Talib atau mahjub perantaraan antara mereka dengan Allah, kerana mereka dekat kepada Allah, seperti yang banyak diperbuat orang di hadapan raja-raja, maka orang itu kafir, musyrik, halal darahnya dan hartanya, walaupun ia mengucap dua kalimah syahadah, walaupun ia sembahyang, puasa dan mendakwakan dirinya muslim."

Jelas K.H. Sirajuddin Abbas lagi: Terang menurut buku Wahhabi ini bahawa kaum Wahhabi mengkafirkan sekalian orang Islam yang sudah membaca syahadah kalau orang Islam itu menjadikan malaikat, nabi-nabi, Ibnu Abi Talib (maksudnya Saiyidina Ali) atau mahjub menjadi perantaraan mereka dengan Allah.

Erti "menjadi perantara" yang dilarang itu – menurut fahaman Wahhabi ialah beristighathah dengan mereka. Tegasnya: "Siapa yang beristighathah menjadi syirik".

Contoh Istighathah ialah: Seorang muslim datang menziarahi kuburan (makam) Nabi di Madinah, lantas di situ ia berdoa kepada Nabi: "Wahai Rasulullah (pesuruh Allah), wahai habibullah (kekasih Allah), wahai saiyiduna (penghulu kami) nabi Muhammad nabi akhir zaman, berilah kami syafaatmu di akhirat nanti, mintakanlah kepada Allah supaya kami selamat di dunia dan akhirat". Inilah ucapan orang yang beristighathah.

Cara ini syirik menurut golongan Wahhabi, kerana terdapat beberapa unsur berikut:

1. Memanggil dan berdoa kepada orang yang telah meninggal dunia, sedang orang itu sudah menjadi bangkai.
2. Meminta atau memohon pertolongan kepada orang meninggal dunia, kepada makhluk, sedang yang boleh dijadikan tempat memohon pertolongan itu hanyalah Allah sahaja.

3. Menjadikan nabi itu sebagai perantara, antara dia dengan Allah, padahal setiap orang Islam boleh berdoa secara langsung kepada Allah, sedangkan Allah itu dekat kepada sekalian hambaNya.

Inilah unsur-unsur kemusyrikan dalam istighathah itu dan kerananya orang itu menjadi syirik kalau mengamalkannya.¹⁸

Ahli Sunnah wal Jamaah yang beriktihad sebagaimana iktihad Nabi Muhammad s.a.w yang diketuai oleh Imam Abu Hassan al-Asy'ari tidak sefahaman dengan fahaman Wahhabi dalam soal ini. Mereka berpendapat:

1. Dbolehkan memanggil dan berdoa atau menghadapkan permohonan kepada orang yang telah meninggal dunia. Ia tidak dilarang, malahan dilakukan oleh Nabi dan para sahabat serta umat Islam di seluruh dunia.
2. Nabi Muhammad s.a.w walaupun Baginda sudah wafat, tetapi baginda hidup dalam kubur dan mendengar semua ucapan salam dan semua permintaan orang seperti keadaan baginda sewaktu hidup di dunia.
3. Dbolehkan meminta pertolongan melalui nabi dan orang-orang yang soleh untuk dikabulkan hajat seseorang oleh Allah, ia tidak dilarang dalam agama.

Inilah perbezaan fahaman antara Ahli Sunnah wal Jamaah dengan Wahhabiyah. Fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah ini berdasarkan dalil-dalil berikut, antaranya:

DALIL DARIPADA SUNNAH

1. Nabi menyeru roh orang yang telah meninggal dunia.

Dalam Sunan al-Nasa'i terdapat hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i daripada Anas r.a:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعَ الْمُسْلِمُونَ مِنَ اللَّيْلِ بِسْرِ بَدْرٍ
وَرَسُولِ اللَّهِ قَائِمٌ يُنَادِي: يَا أَبَا جَهْلٍ بِنِ هِشَامٍ، وَيَا شَيْبَةَ ابْنِ
رَيْعَةَ، وَيَا أُمَيَّةَ ابْنَ خَلْفٍ! هَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا؟
فَأْتِي وَجَدْتُ مَا وَعَدَنِي رَبِّي حَقًّا. قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَوْ تَنَادِي
قَوْمًا قَدْ جِيفُوا؟ فَقَالَ: مَا أَنْتُمْ بِأَسْمَعِ لِمَا أَقُولُ مِنْهُمْ وَلَكِنَّهُمْ لَا
يَسْتَطِيعُونَ أَنْ يُجِيبُوا.

Ertinya: "Daripada Anas r.a berkata: Pada suatu malam, orang-orang Islam mendengar Rasulullah s.a.w menyeru dekat telaga Badr: Wahai Abu Jahal ibnu Hisyam, Syaibah ibnu Rabi'ah dan Umaiyyah ibnu Khalaf! Adakah kamu menerima ganjaran siksa yang telah dijanjikan Allah kepadamu sekalian? Saya sudah menerima apa yang dijanjikan Allah kepada saya. Sahabat-sahabat ketika itu bertanya kepada Nabi: Kenapakah Nabi memanggil orang-orang yang sudah menjadi bangkai? Maka Nabi menjawab: Mereka mendengar apa yang aku ucapkan melebihi daripada pendengaran kamu, tetapi mereka tidak mampu menjawabnya".¹⁹

Dalam hadis ini jelas bahawa Nabi pernah dan ada memanggil orang-orang yang sudah meninggal dunia, yang sudah

menjadi mayat. Kejadian yang diterangkan dalam hadis ini ialah sesudah peperangan Badr, di mana ramai orang-orang Quraisy yang meninggal dunia bergelimpangan mayatnya di dalam telaga Badr yang mana namanya antara yang dipanggil oleh Nabi itu. Tidak berapa lama sesudah peperangan Badr, Nabi Muhammad s.a.w bersama sahabat baginda s.a.w datang ke telaga itu dan mengucapkan perkataan tersebut di atas.

Apa yang dapat dipetik daripada hadis ini ialah:

- Nabi ada memanggil dan menghadapkan pecakapan kepada orang-orang yang telah meninggal dunia.
- Orang-orang yang telah meninggal dunia, walaupun dia sudah meninggal dan dikuburkan, mereka dihidupkan kembali secara hidup di alam barzah, sehingga mereka mendengar kembali seruan orang hidup yang menyerunya.
- Menyeru orang yang telah meninggal dunia tidaklah dilarang. Kerana Nabi sendiri menyeru orang kafir yang sudah meninggal dunia di sebuah telaga selepas peperangan Badar berakhir.²⁰

2. Memberi salam kepada ahli kubur.

Dalam kitab Syarah Muslim (7/45) disebutkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w mengajarkan umatnya apabila menziarahi kubur supaya membaca salam:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ
لِلْآخِرُونَ، وَأَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ الْعَافِيَةَ. (رواه مسلم).

Ertinya: Selamat sejahtera ke atas kamu wahai ahli kubur ini dari kalangan orang-orang mukmin dan muslim, sesungguhnya kami

dengan izin Allah akan menuruti kamu dan kami bermohon kepada Allah semoga mengurniakan kesejahteraan untuk kami dan untuk kamu. (Hadis riwayat Muslim).

Daripada hadis ini jelas menunjukkan bahawa dalam syariat Islam boleh menghadapkan percakapan kepada orang yang telah meninggal dunia seolah-olah kita berbicara dengan orang-orang yang masih hidup.

Dalam hadis ini ada kalimah "salam untukmu" kami akan mengikuti kamu, dan kami mohon afiat untuk kami dan untuk kamu.

Jadi, kalau dilihat dari kenyataan ini bermakna bahawa fahaman yang mengharamkan pembicaraan kepada orang yang telah meninggal dunia, adalah pendapat yang bertentangan dengan hadis di atas.

3. Mengucap salam dan selawat kepada Nabi s.a.w dalam solat lima waktu.

Disebutkan dalam Fath al-Bari, Syarah Bukhari (2/456-458), Rasulullah s.a.w bersabda:

فَإِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَقُلْ: التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ وَالصَّلَوَاتُ وَالطَّيِّبَاتُ السَّلَامُ
عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. (رواه البخاري ومسلم).

Ertinya: Sekiranya ada di antara kamu sembahyang, maka hendaklah membaca: Tahiyat itu untuk Allah, juga sembahyang dan sekalian ucapan yang baik. Salam ke atasmu wahai Nabi Muhammad dan rahmat Allah dan berkatNya.

Hadis ini menjelaskan bahawa setiap orang yang menunaikan sembahyang lima waktu sehari semalam tetap mencucapkan salam kepada Nabi Muhammad s.a.w dengan menghadapkan perkataan secara langsung, iaitu dengan ucapan "salam sejahtera ke atasmu wahai Nabi (Nabi Muhammad s.a.w)".

Ini membuktikan bahawa Nabi itu hidup dalam kubur dan kita boleh menghadapkan pembicaraan kepada baginda s.a.w.

4. Memberi salam kepada Nabi.

Dalam kitab Sunan Abi Daud (2/218) disebutkan hadis khusus di mana Baginda s.a.w bersabda tentang dirinya sendiri iaitu daripada Abu Hurairah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَا مِنْ أَحَدٍ يُسَلِّمُ عَلَيَّ إِلَّا رَدَّ اللَّهُ عَلَيَّ رُوحِي حَتَّى أَرُدَّ عَلَيْهِ السَّلَامَ. (رواه ابو داود) .

Ertinya: Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Sesiapa sahaja yang mengucapkan salam kepadaku nescaya Allah akan mengembalikan rohku sehingga aku boleh menjawab salamnya.

Imam Zarqani dalam kitab Syarah al-Mawahib mentafsirkan hadis ini, bahawa hadis ini suatu bukti bahawa Nabi terus menerus hidup dalam kubur Baginda s.a.w kerana pada setiap saat ada orang yang selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w di atas dunia yang luas ini.²¹

5. Mohonkan keampunan kepada Allah.

Dalam hadis riwayat Abu Daud menjelaskan:

كَانَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا فَرَغَ مِنْ دَفْنِ الْمَيِّتِ وَقَفَ عَلَيْهِ فَقَالَ: اسْتَغْفِرُوا لِأَخِيكُمْ وَأَسْأَلُوا لَهُ التَّيِّبَاتِ فَإِنَّهُ الْآنَ يُسْأَلُ.

(رواه ابو داود) .

Ertinya: Bahawa Nabi Muhammad s.a.w apabila selesai mengkebumikan si mati, Baginda s.a.w berhenti sejenak dan berkata kepada sahabat-sahabat Baginda s.a.w: Minta ampunkanlah saudara kamu ini kerana ia sekarang sedang disoal. (Riwayat Abu Daud).

Ini bermakna bahawa orang yang telah meninggal dunia dihidupkan dalam kuburnya dan ditanya itu dan ini oleh malaikat Munkar dan Nakir.

6. Si Mati mendengar hentakan tapak kaki

Hadis daripada Anas:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
الْعَبْدُ إِذَا وُضِعَ فِي قَبْرِهِ وَتَوَلَّى وَدَهَبَ أَصْحَابُهُ إِنَّهُ يَسْمَعُ قَرَعِ
نَعَالِهِمْ. (رواه البخاري).

Ertinya: Daripada Anas bin Malik daripada nabi s.a.w baginda bersabda: Hamba-hamba Allah apabila diletakkan dalam kuburnya dan orang-orang yang menghantarnya sudah mulai kembali, maka mayat itu mendengar bunyi hentakan kasut mereka. (Sohih Bukhari : (1/169).

Hadis ini menjelaskan bahawa orang yang sudah meninggal dunia itu mendengar sampai kepada hentakan kasut, apa lagi kalau dipanggil. Ini menolak sama sekali dakwaan setengah orang yang mendakwa orang yang sudah meninggal dunia tidak mendengar apa-apa lagi.

7. Istighathah kepada nabi-nabi supaya nabi-nabi memintakan kepada Allah disegerakan hisab.

Hadis riwayat Al-Bukhari dalam (Sohih al-Bukhari (4/98).

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَجْمَعُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ
فَيَقُولُونَ: لَوْ اسْتَشْفَعْنَا إِلَى رَبِّنَا حَتَّى يُرِيحَنَا مِنْ مَكَانِنَا فَيَأْتُونَ آدَمَ
... الْحَدِيثَ.

Ertinya: Rasulullah bersabda: Allah menghimpunkan manusia pada hari kiamat, maka manusia itu berkata sesama mereka: Kiranya kita minta syafaat, minta bantuan untuk menyampaikan permohonan kita kepada Allah supaya kita dapat kesenangan, maka mereka datang kepada Nabi Adam ... dan lain-lain.

8. Istighathah di kubur Nabi.

Dalam kitab Syawahid al-Haq karangan Syeikh Yusof ibn Ismail al-Nabhani hal. 138, menjelaskan:

وَقَدْ صَحَّ فِي حَدِيثٍ طَوِيلٍ: إِنَّ النَّاسَ أَصَابَهُمْ قَطْحٌ فِي زَمَنِ
أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ فَجَاءَ رَجُلٌ إِلَى قَبْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ اسْتَسْقِ لِأُمَّتِكَ فَإِنَّهُمْ هَلَكُوا، فَأَتَاهُ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي النَّوْمِ فَأَخْبَرَهُ أَنََّّهُمْ يُسْتَقُونَ فَكَانَ كَذَلِكَ،
وَفِيهِ أَنْتَ عُمَرُ فَاقْرَأْ السَّلَامَ وَأَخْبِرْهُ أَنََّّهُمْ يُسْتَقُونَ.

Ertinya: Menurut hadis sahih yang panjang, bahawasanya kemarau telah menimpa manusia di zaman pemerintahan Umar

ibnu al-Khattab, maka datang seorang lelaki ke makam Nabi Muhammad s.a.w, dan ia berkata: Wahai Rasulullah! Mintakanlah hujan untuk umatmu kerana mereka hampir binasa. Kemudian lelaki itu bermimpi kedatangan Nabi dan Nabi mengatakan: Bahawa Hujan akan turun. Memang sesudah itu hujan pun turun.

Dalam hadis ini disebutkan juga suruhan Nabi kepada lelaki itu supaya ia menyampaikan salam Nabi kepada Saiyidina Umar dan menghabarkannya bahawa hujan akan turun.²²

Kesimpulan

Mengikut fahaman Ahli Sunah wal Jamaah, bahawa beristighathah dengan mereka yang sudah meninggal dunia adalah dibolehkan, umpama dikatakan: Ya Rasulullah! Kerana baginda s.a.w itu hidup dalam kuburnya.

Kita juga boleh meminta pertolongan kepada rasulullah yang sudah wafat, kerana baginda itu hidup dalam kuburnya, sembahyang dan berdoa.

Kita juga boleh meminta pertolongan kepada makhluk kalau diperlukan pertolongan itu seperti berjumpa dengan para doktor apabila kita sakit untuk mendapatkan rawatan dan ubat.

Yang syirik dan kafir hanyalah menyembah makhluk atau mengiktihadkan makhluk itu Tuhan yang disembah atau manusia yang berkuasa menciptakan sesuatu seperti Allah.

Wallahu a'lam bissawab.

RUJUKAN

1. Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1995.
2. Sahih Al-Bukhari, Gagri Yayinlari, Istanbul Turki.
3. Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi, Dar al-Fikr Birut 1978.
4. Sunan al-Nasa'i Bi Syarh al-Imamain al-Suyuti wa al-Sindi, Dar al-hadis al-Qahirah, 1999.
5. Sunan al-Tirmizi, Abi Isa Muhammad bin Isa bin Saurah, cetakan Gagri Yayinlari, Istanbul Turki.
6. Sunan Abi Daud, Imam al-Hafiz Abi Daud Sulaiman bin al-Asy'as al-Sajastani al-Azadi, cetakan Gagri Yayinlari, Istanbul Turki.
7. Musnad Ahmad Ibn Hanbal, cetakan Gagri Yayinlari, Istanbul Turki.
8. K.H. Sirajuddin Abbas dalam Iktiqad Ahli Sunnah wal Jamaah, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, Kota Bahru, Kelantan, 1996.
9. Imam al-Zurqani dalam Syarah al-Mawahib.
10. Sulaiman ibn Abdul Wahab, (abang Muhamad ibn Abdul Wahhab) kita Showa'iq al-Ilahiyyah fi al-Raddi 'ala al-Wahhabiyyah.
11. Syed Ahmad Zaini Dahlan, kitab Al-Durru al-Sunniyyah fi al-Raddi 'ala al-Wahhabiyyah.
12. Dr. Ali Jumaat, (Mufti al-Diyar al-Masriyah) dalam kitabnya al-Bayan Lima Yasyghalu al-Azhan (huraian mengenai perkara yang mengganggu pemikiran) cetakan al-Muqattam li al-Nasyr wa al-Tauzi' tahun 2005,
13. Al-Syeikh Yusof Khattar Muhammad, Al-Mausu'ah al-Yusufiyah Fi Bayani Adillati al-Sufiyah, cetakan Dar al-Taqwa, Surya. Tahun 2003.
14. Imam al-Syed Izzuddin Madhi Abi al-Aza'im, Aiyuhal Qarniyyuna Halla Faqihum: Dar al-Kitab al-Shufi, 1995.
15. Al-Mausu'ah al-Yusufiyah Fi Bayan Adillati al-Sufiyah, Al-Syeikh Yusof Khattar Muhammad, Cetakan Dar al-Taqwa, Syeria, Dansyik, halbuni, tahah, 2003.

16. Syawahid al-Haq: Syeikh Yusof bin Ismail al-Nabni.
17. Fitnah al-Wahhabiyyah min al-Futuhah al-Islamiah oleh al-Syeikh Ahmad .Al-Zaini Dahlan al-Syafi'e.
18. Minhaj al-Salimin fi Toriqati al-Mutaqaddimin, Ismail bin Ahmad bin Muhammad Soleh al-Tatani al-Langguri, cetakan al-Anwar, Mesir, tahun 1381H.
19. Muqaddimah Hadi-ah fi Al-Hayat al-Barzakhiyyah oleh Dr. Umar Abdullah Kamil, Dar al-Mustafa, tahun 2005.
20. Tahzib Misykat al-Masobih, Imam Muhammad ibn Abdullah al-Khatib al-Tabrizi, Dar al-Quds, tahun 2004.

Nota

- ¹ *Ibnu Manzhur, Lisan al-Arab, Bulaq, al-Matba'ah al-Mahmudiyah, Mesr, 1920H, (11/724).*
- ² *Imam Syed Izzuddin Madhi Abi al-Aza'im, Aiyuha al-Qarniyyuna Halla Faqihum? 1995, hal 67.*
- ³ *Ibid, 67.*
- ⁴ *K.H. Sirajuddin Abas, Iktiqad Ahli Sunnah wal Jamaah, 1996 hal.369.*
- ⁵ *Imam Syed Izzuddin Madhi Abi al-Aza'im, Aiyuha al-Qarniyyuna Halla Faqihum? 1995, hal 68.*
- ⁶ *Ibid, hal. 68-69.*
- ⁷ *Ibid, hal. 69. Hakim dalam kitab Al-Mustadrak (2/615). Al-Baihaqi dalam Dala'il al-Nubuwwah (5/489) dan Al-Ithafat al-Sunniyah (hal. 256). Albn Kathir dalam Bidayah wa al-Nihayah (1/81 dan 2/322). Al-Muttaqi al-Hindi dalam Kanzul Ummal 32138. Ibn 'Asakir dalam Tahzib Tarikh Damsyik (2/147).*
- ⁸ *Al-Thobarani dalam Al-Kabir (24/351) dan Al-Aushat (1/76).*
- ⁹ *K.H. Sirajuddin Abas, Iktiqad Ahli Sunnah wal Jamaah, 1996 hal. 374-375.*
- ¹⁰ *Syeikh al-Hafiz Ibn Rejab al-Hanbali, Fath Al-Bari, 3/150.*
- ¹¹ *Sunan al-Tirmizi (13/80-81. Sunan Ibn Majah 1/418-419.*
- ¹² *Sohih al-Bukhari (2/488), lafaz hadis dinukil daripada kitab al-Lu'lu' wa al-marjan fima ittafaqa 'alaihi al-Syaikh al-Syaikh al-Syaikh 3/305-306).*
- ¹³ *Imam al-Syed Izzuddin Madhi Abi al-Aza'im, 1995, hal. 72.*
- ¹⁴ *Ibid, hal. 73.*
- ¹⁵ *Ibid, hal. 74.*
- ¹⁶ *Ibid, 75-76.*
- ¹⁷ *Syeikh Yusof ibn Ismail al-Nabhani, Syawahid al-Haqfi al-Istighathah bi Saiyidi al-Khalq, Dar al-Fikr, 1990, hal. 159.*
- ¹⁸ *Iktiqad Ahli Sunnah wal Jamaah, 1996, hal.409-410.*
- ¹⁹ *Al-Nasa'i dalam Sunan al-Nasa'i (2/110). Hadis ini juga diriwayatkan oleh Imam Bukhari (lihat Sahih Bukhari pada kitab Al-maghazi dan Fath al-Bari (8/302-305).*
- ²⁰ *Iktiqad Ahli Sunnah wal Jamaah, 1996, hal. 411-412.*
- ²¹ *Al-Zarqani, Syarah al-Mawahib al-Ladunniyah, Dar al-Ma'rifah, Beirut, (5/335).*
- ²² *Syeikh Yusof ibn Ismail al-Nabhani, Syawahid al-Haqfi al-Istighathah bi Saiyidi al-Khalq, Dar al-Fikr, 1990, hal. 138.*